

SMTE 2017 persiap generasi muda

► Hadapi cabaran

Revolusi Industri 4.0

08 9.11.2017 BF

Oleh ALFRED PETRUS

KOTA KINABALU: Persidangan Antarabangsa Pendidikan Sains, Matematik dan Teknologi kesembilan (SMTE) 2017 mampu mempersiapkan generasi muda hadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata sumbangan pendidik dan penyelidik adalah aspek utama dalam menghasilkan generasi muda yang berpengetahuan serta

mahir untuk meningkatkan ekonomi negara.

“Saya percaya perkongsian pengetahuan, penemuan penyelidikan dan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bidang ini akan membantu kita membuat keputusan yang tepat dalam mempersiapkan generasi muda kita menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 serta mampu merebut peluang yang terdapat di sekeliling.

“SMTE 2017 membuktikan bahawa sumbangan guru dan



RASID (lima kiri) menyempurnakan gimik perasmian Persidangan Antarabangsa Pendidikan SMTE 2017 pada Rabu.

penyelidik kepada pembangunan manusia dalam menghasilkan belia berpengetahuan tinggi mampu meningkatkan ekonomi yang memberi manfaat kepada masyarakat kita,” katanya.

Tambahnya, SMTE 2017 juga dilihat sebagai penyumbang kepada transformasi pengajaran ke dalam profesion pilihan yang mana adalah salah satu peralihan yang digariskan dalam Rangka Tindakan Pendidikan Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika perasmian Persidangan Antarabangsa Pendidikan

SMTE 2017 di sini pada Rabu. Teks ucapannya disampaikan oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS Prof Dr Rasid Mail.

Kamarudin berharap melalui persidangan antarabangsa pendidikan yang dianjurkan oleh UMS dengan kerjasama Universiti Curtin Australia itu akan menyumbang ke arah menyokong inisiatif untuk peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang SMTE.

Katanya terdapat banyak pengetahuan dan perkongsian akan dibentangkan dalam

persidangan itu yang mana beliau pasti ia dapat memberi manfaat kepada setiap peserta di sini.

“Dengan tema ‘Menyokong Pendidikan Sains, Matematik dan Teknologi Untuk Generasi Masa Depan’, persidangan kali ini mampu menjadikan UMS sebagai universiti yang inovatif.

“Bagaimanapun, dalam menyokong SMTE ini, kita juga berusaha untuk menghasilkan generasi masa depan yang holistik dengan nilai-nilai moral mahupun berfikiran terbuka,” katanya.

Turut hadir, Pengerusi

“Saya percaya perkongsian pengetahuan, penemuan penyelidikan dan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bidang ini akan membantu kita membuat keputusan yang tepat dalam mempersiapkan generasi muda kita menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 serta mampu merebut peluang yang terdapat di sekeliling.”

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Persidangan Antarabangsa Pendidikan SMTE 2017 Prof Madya Dr Lay Yoon Fah, Pengarah Pusat Pendidikan Sains dan Matematik (SMEC)

Universiti Curtin P John Williams dan Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS Prof Dr Mohd Dahlan A Malek.



RASID (kiri) menyampaikan cendera-mengenal kepada John selepas majlis perasmian persidangan itu.